

26 OKTOBER 2020

Pertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKLU),
B-G-15, Pusat Perniagaan Seksyen 8,
Jalan Sungai Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya,
Selangor.

KEPADA:

ADUN dan Ahli Parlimen Selangor seperti dalam SENARAI EDARAN

Yang Berhormat (YB),

Memohon Sokongan Bagi Membantah Pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) Yang Menerima 45,416 Bantahan Secara Bertulis dan Dalam Talian (Online)

Merujuk kepada perkara di atas, satu gabungan organisasi rakyat telah ditubuhkan untuk membantah cadangan bagi pemansuhan HSKLU. Gabungan ini telah ditubuhkan selepas kami mendapati Sesi Pendengaran Awam (Town Hall) Sesi II bagi cadangan Pemansuhan kawasan HSKLU, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat yang dijalankan pada 28 dan 29 September 2020 di Amverton Resort, Pulau Carey; adalah tidak mengikut norma-norma serta prosedur yang sepatutnya.

2. Antara kesalahan tata tertib pelaksanaan Sesi Pendengaran Awam (Town Hall) Sesi II yang kami saksikan adalah:

- a. Notis pemakluman mengenai Sesi Pendengaran Awam (Town Hall) tidak dimaklumkan secara terbuka untuk perhatian dan penyertaan semua pihak yang terlibat dalam proses bantahan bertulis;
- b. Jemputan bagi Sesi Pendengaran Awam yang diedarkan kurang dari tempoh 30 hari dan tidak menjemput semua pihak yang terlibat dalam bantahan. Tindakan ini secara jelasnya membuktikan objektif sesi pendengaran tidak tercapai;
- c. s. 8 (5) Kaedah-Kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, menyatakan bahawa penyiasatan awam harus diadakan dalam masa 30 hari selepas tamatnya tempoh bantahan secara bertulis pada 5 Mac 2020. Namun, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak memberi sebarang keterangan mengenai penganjuran Sesi Pendengaran Awam bagi bantahan tersebut. Maklumat penganjuran Sesi Pendengaran Awam Sesi II hanya diketahui melalui siaran Facebook YB Hee Loy Sian pada 28 September 2020 pada 12.34pm (selepas tamat sesi pertama). Walaubagaimanapun, sebilangan besar kumpulan sasaran telah menghadiri sesi tersebut pada 29 September melalui penerimaan jemputan beberapa hari atau jam melalui aplikasi WhatsApp;
- d. Tiada wakil-wakil pihak berkepentingan seperti berikut dalam Panel Jawatankuasa Penyiasatan Awam;
 - i. PERHILITAN (Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara)
 - ii. FRIM (Forest Research Institute of Malaysia)
 - iii. Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan
 - iv. ADUN Sijanggang
 - v. Ahli Parlimen Kuala Langat
 - vi. Pihak NGO
 - vii. Wakil Ketua Penduduk/ Tok Batin Orang Asli

- e. Tempat yang telah dipilih penganjuran bagi Sesi Pendengaran Awam terletak jauh dari HSKLU dan di luar Mukim Tanjung Dua Belas; dan
 - f. Kegagalan panel Jawatankuasa Penyiasatan Awam menjemput pihak-pihak yang melakukan bantahan terhadap pemansuhan HSKLU walaupun Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) mengakui telah menerima 45,416 bantahan. Tiada pihak/individu hadir di hari pertama Sesi Pendengaran Awam Sesi II iaitu pada 28 September 2020.
3. Kami berpendapat HSKLU tidak boleh dimansuhkan berdasarkan fakta-fakta nyata berikut:
- a. Penyahwartaan HSKLU akan mengabaikan hak masyarakat Orang Asli yang telah tinggal lebih dari 134 tahun (sekurang-kurangnya sejak tahun 1886). Kerajaan Negeri perlu adil dan saksama bagi melindungi kepentingan komuniti Orang Asli di kawasan berkenaan;
 - b. HSKLU merupakan satu daripada dua jenis hutan paya gambut yang masih wujud di bahagian selatan negeri Selangor. Ia memainkan peranan penting dalam sistem hidrologi berkaitan pengawalan banjir, menjadi sumber takungan air dan membantu dalam isu pencemaran udara, lebih-lebih lagi ia di dikelilingi kawasan industri berat seperti Shah Alam, Cyber Jaya dan lain-lain;
 - c. Pembukaan kawasan hutan bagi tujuan pembangunan bercampur akan menjejaskan rangkaian ekologi, mengakibatkan kehilangan habitat hidupan liar dan kepupusan akuatik.
 - Habitat kepada spesies terancam seperti Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*), Tupai Terbang Terkecil Selangor (*Petaurillus kinlochii*) dan Ikan Laga Merah Langat (*Betta livida*).
 - Selain itu, HSKLU adalah habitat kepada beberapa spesies Dipterokarp yang mempunyai status "Terancam Kritikal" dan "Terancam" (terdapat pada Senarai Merah Tumbuhan Terancam di Malaysia) seperti Meranti Bunga (*Shorea teysmanniana*), Meranti Bakau (*Shorea uliginosa*) dan Mersawa Paya (*Anisoptera marginata*).
 - d. Meningkatkan risiko kebakaran dan penurunan tanah gambut di HSKLU dan kawasan sekitarnya;
 - e. Meningkatkan risiko banjir atau kekurangan air yang akan memusnahkan kawasan pertanian dan tanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli;
 - f. Gangguan ekologi kepada lembangan Sungai Langat dan Sungai Klang;
 - g. Pembangunan di kawasan HSKLU (termasuk penebangan pokok, pengorekan tanah gambut dan pembinaan saliran) membawa kepada pelepasan 5.5 juta tan karbon dioksida (CO₂) yang menyumbang kepada pemanasan tempatan dan global serta masalah perubahan iklim. Pemansuhan HSKLU dan cadangan pembangunan campur tidak selaras dengan Komitmen Malaysia bagi Perjanjian Paris pada Persidangan Iklim Paris 2015 (COP21) yang mengurangkan 45% intensiti pelepasan gas rumah hijau daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK);
 - h. Tiada lagi kawasan penting untuk tujuan penyelidikan, pendidikan, rekreasi, eko-pelancongan sebagaimana satu hub kepentingan sosio-ekonomi setempat.
 - i. Tidak selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 yang menyatakan kawasan ini sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 yang melarang sebarang bentuk pembangunan dijalankan;
 - j. Tidak selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam Rancangan Struktur Negeri 2035 untuk mengekalkan 32% kawasan hutan di Selangor;
 - k. Tidak selaras dengan Pelan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 di mana HSKLU telah dikategorikan sebagai kawasan 'tiada pembangunan';
 - l. Konflik kepentingan di mana Menteri Besar (MB) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Menteri Besar Incorporated (MBI) bertindak sebagai pihak yang memohon tanah dan meluluskan permohonan tersebut (Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan PTG Selangor). Secara jelasnya, ia menunjukkan konflik antara tanggungjawab pentadbir

- negeri dan kepentingan MBI berkemungkinan mengganggu integriti ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi cadangan pemansuhan HSKLU;
- m. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 menyatakan secara jelas bahawa jika ada pengubahan kawasan hutan paya gambut seluas 50 hektar atau lebih untuk kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian, satu laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) diperlukan. Notis penyiasatan awam telah pun menyatakan bahawa tujuan penyahwartaan HSKLU adalah untuk pembangunan bercampur. Ini bermakna, berkemungkinan besar kawasan HSKLU yang merupakan hutan paya gambut, akan diubah untuk kegunaan perindustrian atau perumahan. Berdasarkan tujuan permohonan tersebut, satu laporan EIA menyeluruh perlu disediakan dan ia harus dibentangkan kepada pihak berkepentingan dan diluluskan sebelum proses penyahwartaan HSKLU dijalankan dan;
 - n. Tiada zon penampunan hijau - satu kesalahan dan pelanggaran syarat-syarat pembangunan yang lestari.
 - o. Tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama, kita semua mempunyai nilai etika dan kerohanian yang sama iaitu melakukan perkara yang betul dan menolak tindakan yang salah. Memusnahkan alam sekitar ketika kita berada di ambang perubahan iklim jelas sekali merupakan satu tindakan yang salah. Ia mengkhianati tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara. Kita seharusnya mengambil pendekatan yang bijaksana di mana kemakmuran negeri Selangor dapat dinikmati bersama secara adil, saksama dan lestari.

4. Walaupun banyak bantahan telah disuarakan terhadap pemansuhan HSKLU, namun tindakan Kerajaan Selangor menggambarkan seolah-olah pemansuhan ini akan diteruskan tanpa pertimbangan sewajarnya. Namun, sehingga kini masih belum ada satu pelan pembangunan terperinci berkenaan pembangunan bercampur yang dimaksudkan. Sehubungan itu, apakah yang dimaksudkan sebagai pembangunan bercampur oleh Kerajaan Negeri Selangor? Adakah pembangunan bercampur ini dapat memberi manfaat secara langsung dari sudut nilai ekologi yang sama setimpal dengan kewujudan HSKLU ketika ini bagi rakyat negeri Selangor khususnya penduduk daerah Kuala Langat?

5. Justeru, kami berpendapat adalah lebih baik jika isu ini dibawa kepada perhatian umum dan wakil-wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat Selangor untuk menentukan sama ada langkah pemansuhan HSKLU adalah tepat atau sebaliknya. Di bahagian bawah surat ini disediakan ruangan untuk pihak YB menandatangani sama ada menyokong atau membantah pemansuhan HSKLU. Kami berharap pihak YB dapat memberikan persetujuan/bantahan YB dengan menandatangani surat sokongan / akuan tersebut.

6. Untuk perhatian YB, kami juga telah melancarkan kempen tandatangan di atas talian untuk kempen ini. Oleh kerana itu, setiap surat akaun yang ditandatangani (atau tidak ditandatangani) akan kami terbitkan melalui kempen tandatangan ini. Kami berharap dengan pendekatan sebegini, rakyat dapat membuat keputusan yang lebih telus terhadap pemilihan wakil rakyat bagi kawasan mereka di Selangor. Sekiranya pihak YB mempunyai sebarang persoalan atau penetapan tarikh perbincangan perkara ini, pihak YB boleh menghubungi kami di talian telefon, atau di alamat e-mel seperti di bawah.

- a. Suresh Kumar | 019-569-6964 | peoplesbhr@suaram.net
- b. Damien Thanam | 012-696-1129 | damienthanam.divean@gmail.com
- c. Ili Nadiyah Dzulfakar | 018-358-2752 | nadiyah@klimaactionmalaysia.org
- d. Professor Madya Dr Darren Ong Chung Lee | 012-465-3750 | dongcl@gmail.com

7. Sehubungan dengan itu, kami masih menaruh harapan tinggi kepada pihak YB agar tidak keberatan untuk memberi maklum balas positif serta sokongan penuh terhadap bantahan pemansuhan HSKLU yang diutarakan. Segala kerjasama dan tindakan pihak YB amatlah kami hargai dan diakhiri dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Wakil-Wakil Gabungan Membantah Pemansuhan HSKLU

1. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA)
2. SUARAM (Suara Rakyat Malaysia)
3. Persatuan Kesedaran dan Keadilan Iklim Malaysia (Klima Action Malaysia- KAMY)
4. Five Arts Centre
5. Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat
6. EMPOWER Malaysia
7. Greenpeace Malaysia
8. Parti Sosialis Malaysia
9. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
10. Center for Orang Asli Concerns (COAC)
11. Global Environment Centre (GEC)
12. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera (GRASS) Malaysia
13. Malaysian Nature Society (MNS) Selangor Branch
14. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
15. Treat Every Environment Special Sdn Bhd (TrEES)

AKU JANJI ADUN / AHLI PARLIMEN SELANGOR

Saya menyatakan persetujuan untuk **MENYOKONG / MEMBANTAH** Pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara oleh Kerajaan Selangor.

Yang benar,

Tandatangan:

Nama:

ADUN/ Ahli Parlimen:

Tarikh:

Komen:

SENARAI EDARAN

1. Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail,
ADUN N01 Sungai Air Tawar,
Pejabat Adun Kawasan Sungai Air Tawar,
Lot 2854 (A), Jalan Sungai Air Tawar,
Kampung Simpang 4,
Bagan Nakhoda Omar,
45200 Sabak Bernam.
2. Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman,
ADUN N02 Sabak,
Pejabat Adun Kawasan Sabak,
Balai Rakyat Taman Berjaya, Jalan Rajawali,
45200 Sabak Bernam.
3. Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin,
ADUN N03 Sungai Panjang,
Pejabat UMNO Sungai Besar,
No. 720 Jalan Besar,
Pekan Sg Haji Dorani,
45300 Sg Besar.
4. Y.B. Tuan Ng Suee Lim,
ADUN N04 Sekinchan,
Pusat Khidmat DUN Sekinchan,
No. 6A, Jalan Menteri,
45400 Sekinchan.
5. Y.B. Datuk Rosni binti Sohar,
ADUN N05 Hulu Bernam,
Pusat Khidmat Wakil Rakyat,
Kawasan DUN Hulu Bernam,
Kg. Titiwangsa,
44100 Kalumpang,
Hulu Selangor.
6. Y.B. Puan Lee Kee Hiong,
N06 Kuala Kubu Bharu,
Pusat Khidmat Adun Kuala Kubu Bharu,
No.15, Jalan Gamelan 1,
Off Jalan Hamzah, Taman Gamelan,
44000 Kuala Kubu Bharu.
7. Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar,
ADUN N07 Batang Kali,
Pusat Khidmat DUN Batang Kali,
No. 25-1 Jalan Adenium 2g/7,
Pusat Perniagaan Adenium,
Seksyen BB5,
48300 Bukit Beruntung,
Rawang.
8. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias,
ADUN N08 Sungai Burong,
Pusat Khidmat DUN Sungai Burong,
Jalan Raden Puteh, Kampung Kunci Air Buang,
45500 Tanjung Karang.
9. Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin
ADUN N09 Permatang,
Pusat Khidmat DUN Permatang,
No.25, Jalan Nilam 1 Taman Nilam,
45500 Tanjung Karang.
10. Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli,
ADUN N10 Bukit Melawati,
Pusat Khidmat DUN Bukit Melawati,
No. 2-1, Jalan Bendahara 1/2a,
Taman Bendahara,
45000 Kuala Selangor.
11. Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad,
ADUN N11 Ijok,
Pusat Khidmat DUN Ijok,
No.6, Taman Ijok Utama 1,
Taman Ijok Bestari Jaya,
45600 Kuala Selangor.
12. Y.B. Tuan Mohd Shaïd Bin Rosli,
ADUN N12 Jeram,
Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jeram,
No 10, Jalan Niaga Bestari 8,
Puncak Bestari,
42300 Bandar Puncak Alam.
13. Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin,
ADUN N13 Kuang,
Pusat Khidmat DUN Kuang,
C4 Lot 23911 Kuang Square,
Batu 18 Kuang,
48050 Rawang.
14. Y.B. Tuan Chua Wei Kiat,
ADUN N14 Rawang,
Pusat Khidmat Rakyat DUN Rawang,
E11, Jalan Mutiara 2, Rawang Mutiara
Business Centre,
48000 Rawang.

15. Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan,
ADUN N15 Taman Templer,
Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman
Templer, No. 14A Tingkat 1, Jalan 2/12,
Dataran Taman Templer,
Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves.
16. Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Bin Shari,
ADUN N16 Sungai Tua,
Pusat Khidmat Masyarakat Sungai Tua,
Dewan Komuniti Taman Amaniah,
Taman Amaniah,
68100 Batu Caves.
17. Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham,
ADUN N17 Gombak Setia,
Pusat Khidmat Rakyat DUN Gombak Setia,
Jalan Berjaya 6, Taman Berjaya,
68100 Gombak.
18. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib,
ADUN N18 Hulu Kelang,
Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Hulu Kelang,
No 6A, Jalan AU 2A, Taman Sri Keramat,
54200 Kuala Lumpur.
19. Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali,
ADUN N19 Bukit Antarabangsa,
Ahli Parlimen P98 Gombak,
Pusat Khidmat Rakyat DUN Bukit
Antarabangsa, No.2, Lorong Perak,
Pusat Bandar Taman Melawati,
Hulu Kelang,
53100 Kuala Lumpur.
20. Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha,
ADUN N20 Lembah Jaya,
Pusat Khidmat Rakyat ADUN Lembah Jaya,
No. 3A Jalan AWF 2, Ampang Water Front,
68000 Ampang.
21. Y.B. Tuan Ir Izham Bin Hashim,
N21 Pandan Indah,
Pusat Khidmat DUN Pandan Indah,
No. 4A , Jalan Pandan Indah 1/23A,
Pandan Indah,
55100 Ampang.
22. Y.B. Tuan Lai Wai Chong,
ADUN N22 Teratai,
Pusat Khidmat DUN Teratai,
No.27, Jalan Bunga Tanjung 18,
Taman Seraya,
56100 Cheras.
23. Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof,
ADUN N23 Dusun Tua,
Pusat Khidmat DUN Dusun Tua,
No. 38-1, Jalan Sri Mas 1,
Taman Sri Mas,
43100 Hulu Langat.
24. Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi,
ADUN N24 Semenyih,
Lot 2275 Jalan Kg Sesapan,
Batu Rembau,
43700 Beranang.
25. Y.B. Tuan Hee Loy Sian,
ADUN N25 Kajang,
Pusat Khidmat DUN Kajang,
Jalan Metro Avenue 1, Metro Avenue,
43000 Kajang.
26. Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar,
ADUN N26 Sungai Ramal,
Pusat Khidmat DUN Sungai Ramal,
28-A, Jalan Medan Pusat 2c,
Persiaran Bangi, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi.
27. Y.B. Puan Wong Siew Ki,
ADUN N27 Balakong,
Pusat Rakyat Bangi/Balakong, 1-12a,
Tingkat 1, Jalan Kasturi 1,
Taman Kasturi Off Jalan Balakong,
43200 Batu 11,
Cheras.
28. Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah,
N28 Seri Kembangan,
Pusat Khidmat DUN Seri Kembangan,
No.42-2, Jalan 4/1,
Taman Bukit Serdang, Seksyen 4,
43300 Seri Kembangan.
29. Y.B. Puan Dr Siti Mariah Binti Mahmud,
ADUN N29 Seri Serdang,
Pusat Khidmat DUN N29 Seri Serdang,
No. 26, Jalan PU 7/2,
Taman Puchong Utama,
47100 Puchong.
30. Y.B. Tuan Ng Sze Han,
ADUN N30 Kinrara,
Pusat Khidmat DUN Kinrara,
5-2, Jalan Cenuk 2,
Off Batu 10 Jalan Puchong,
47100 Puchong.

31. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
ADUN N31 Subang Jaya,
Pusat Khidmat DUN Subang Jaya,
No.113A (Tingkat 1), Jalan SS 14/1,
47500 Subang Jaya.
32. Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar,
ADUN N32 Seri Setia,
Pusat Khidmat DUN Seri Setia,
No. 6 SS5b/3, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya.
33. Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed
Supri,
ADUN N33 Taman Medan,
Pusat Khidmat DUN Taman Medan,
3-1 Jalan PJS 2/16a,
Taman Maju Jaya,
46000 Petaling Jaya.
34. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN N34 Bukit Gasing,
Pejabat ADUN Bukit Gasing,
No. 7A, Jalan 52,
46200 Petaling Jaya.
35. Y.B. Puan Lim Yi Wei,
ADUN N35 Kampung Tunku,
Pusat Khidmat DUN Kampung Tunku,
No.24, Jalan 20/9, Taman Paramount,
46300 Petaling Jaya.
36. Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin,
ADUN N36 Bandar Utama,
Pusat Khidmat DUN Bandar Utama,
55-M, Jalan SS21/1A Damansara Utama,
47400 Petaling Jaya.
37. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping,
ADUN N37 Bukit Lanjan
Pusat Khidmat DUN Bukit Lanjan,
6-2 Pusat Perdagangan Desa Jaya,
Desa Jaya 16, Taman Desa Jaya,
52100 Kepong.
38. Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman,
ADUN N38 Paya Jaras
Pusat Khidmat DUN Paya Jaras,
Tingkat 1, No.19A, Jalan Liter Du 19/B,
Fasa 3, Seksyen U19,
Bandar Baru Sungai Buloh,
47000 Sungai Buloh.
39. Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor,
ADUN N39 Kota Damansara
Pusat Khidmat DUN Kota Damansara,
B-19-1, Jalan Zuhail, U5/178,
Star Avenue, Seksyen U5,
40150 Shah Alam.
40. Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi,
ADUN N40 Kota Anggerik,
Pusat Khidmat Masyarakat Kota Anggerik,
G-08, Blok 2, TTDI Adina, No.11,
Jalan Judo 13/45, Seksyen 13,
40100 Shah Alam.
41. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail,
ADUN N41 Batu Tiga,
Pusat Khidmat DUN Batu Tiga,
No.93A, Tingkat 1, Jalan Pelabur B 23/B,
Seksyen 23,
40000 Shah Alam.
42. Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd
Mokhtar,
ADUN N42 Meru, Pusat Khidmat DUN Meru,
No.1, Jalan Nenas Sarawak KU/10,
Taman Saujana, Off Persiaran Hamzah Alang,
41050 Klang.
43. Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi,
ADUN N43 Sementa,
Pusat Khidmat DUN Sementa,
No.30, Tingkat 1, Jalan 14/KU4,
Taman Sementa Bestari,
Batu 5, Jalan Kapar,
42100 Klang.
44. Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari,
ADUN N44 Selat Klang,
Pusat Khidmat DUN Selat Klang,
Lot 2537, No.2 Jalan Yadi,
Kampung Telok Gadong,
41250 Klang.
45. Y.B. Dato' Teng Chang Khim,
ADUN N45 Bandar Baru Klang,
Pusat Khidmat DUN Bandar Baru Klang,
LG-4, 1E Jalan Pekan Baru 34,
41010 Klang.
46. Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri,
ADUN : N46 Pelabuhan Klang,
Pusat Khidmat DUN Pelabuhan Klang,
No 60, Jalan Permai 1B,
Taman Pendamaran Permai,
42000 Pelabuhan Klang.

47. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee,
ADUN N47 Pandamaran,
Pusat Khidmat DUN Pandamaran,
No. 319, Jalan Telok Gadong KS01 Off
Persiaran Raja Muda Musa,
41200 Pelabuhan Klang.
48. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George,
ADUN N48 Sentosa,
Pusat Khidmat DUN Sentosa,
No. 15A Jalan Mohd Tahir 8,
Taman Sri Mewah 4, Jalan Sg Jati,
41200 Klang.
49. Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni,
ADUN N49 Sungai Kandis,
Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Kandis,
No. 16, Jalan Kebun Nenas 3N/KS8,
Bandar Putera 2,
41200 Klang.
50. Y.B. Tuan Ganabairau A/L Veraman,
ADUN N50 Kota Kemuning,
Pusat Khidmat DUN Kota Kemuning,
7-G, Jalan Kemuning Prima B 33/B,
Kemuning Utama, Seksyen 33,
40400 Shah Alam.
51. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi,
ADUN N51 Sijangkang,
Pusat Khidmat DUN Sijangkang,
No. 1, Tingkat Atas ,
Jalan Wira 2, Jalan Pewira,
42500 Telok Panglima Garang.
52. Y.B. Tuan Lau Weng San,
ADUN N52 Banting
Pusat Khidmat DUN Banting (Sungai Sedu),
Pejabat DAP Cawangan Sungai Sedu,
No. 2077c, Lot 76, Batu 17,
Jalan Klang-Banting,
Kampung Sungai Sedu,
42700 Banting.
53. Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin,
ADUN N53 Morib,
Pusat Khidmat DUN Morib,
No.78A, Jalan Bunga Pekan,
42700 Banting.
54. Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah,
ADUN N54 Tanjung Sepat,
Pusat Khidmat DUN Tanjung Sepat,
Kompleks Penghulu Batu Laut Jalan Besar,
Kampung Batu Laut,
42800 Tanjung Sepat.
55. Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah,
ADUN N55 Dengkil,
Pusat Khidmat Masyarakat DUN Dengkil,
No 1A-1, Jalan BM 7, Taman Bintang Mas,
43800 Dengkil.
56. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew,
ADUN N56 Sungai Pelek,
Pusat Khidmat DUN Sungai Pelek,
No. 9, Tingkat 1 Jalan Damai 1,
Taman Damai,
43950 Sg Pelek.
57. YB Dato Mohd Fasiah Bin Mohd Fakeh,
Ahli Parlimen P92 Sabak Bernam,
Lot 1785, Taman Raya,
45300 Sungai Besar.
58. YB Tuan Muslimin Bin Yahaya,
Ahli Parlimen P93 Sungai Besar,
No. 51A, Sekinchan Business Centre,
Jalan Menteri Besar,
45400 Sekinchan.
59. YB Puan June Leow Hsiad Hui,
Ahli Parlimen P094 Hulu Selangor,
3A, Jalan Telaki 6C, Sec BS2, Bukit Sentosa,
48300 Rawang.
60. YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar,
Ahli Parlimen P095 Tanjung Karang,
No. 131A, Aras Bawah,
Bangunan UMNO Bahagian Tanjong Karang,
45500 Tanjong Karang.
61. YB Dr Haji Dzulkefly Bin Ahmad,
Ahli Parlimen P096 Kuala Selangor,
12 Jalan Topaz 7/4, Seksyen 7,
40000 Shah Alam.
62. Y.B. Tuan William Leong Jee Keen,
Ahli Parlimen P97 Selayang,
Suite 812, Block E, Phileo Damansara 1,
No. 9, Jalan 16/11,
Off Jalan Damansara,
46350 Petaling Jaya.
63. YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin,
Ahli Parlimen P99 Ampang,
Pejabat Khidmat Parlimen Ampang,
G2 &3A, Jalan Kolam Ayer Lama,
Ampang Jaya,
68000 Ampang.

64. YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Ahli Parlimen P100 Pandan,
Ibu Pejabat Parti Keadilan Rakyat,
A-1-09 Merchant Square,
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1,
47410 Petaling Jaya.
65. YB Ustaz Haji Hasanuddin Bin Mohd Yunus
Ahli Parlimen P101 Hulu Langat,
Lot 7896, Jalan Sepakat,
Kampung Bahagia Bangi,
43000 Kajang.
66. YB Dr Ong Kian Ming,
Ahli Parlimen P102 Bangi,
67A, Tingkat 1, Taman Sri Reko,
Jalan Reko, 43000 Kajang.
67. YB Tuan Gobind Singh Deo,
Ahli Parlimen P103 Puchong,
No. 2A, Jalan 12/14, Seksyen 12,
46200 Petaling Jaya.
68. YB Tuan Wong Chen,
Ahli Parlimen P104 Subang,
Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Subang,
No.2-12, Jalan Cenuk 1,
Bandar Puchong Jaya,
47100 Puchong.
69. YB Puan Maria Chin Binti Abdullah,
Ahli Parlimen P105 Petaling Jaya,
Pejabat Parlimen P105 Petaling Jaya,
No.60-1 (First Floor),
Jalan PJS 1/50,
Petaling Utama Avenue,
46150 Petaling Jaya.
70. YB Tuan Tony Pua Kiam Wee,
Ahli Parlimen P106 Damansara,
55-M, Jalan SS 21/1A,
Damansara Utama,
47400 Petaling Jaya.
71. YB Tuan Sivarasa Rasiah,
Ahli Parlimen P107 Sungai Buloh,
No.3, Jalan 14/51,
46100 Petaling Jaya.
72. YB Tuan Khalid Bin Abd Samad,
Ahli Parlimen P108 Shah Alam,
1B, Tingkat 2, Blok 1,
World Wide Business Centre,
Jalan Tinju 13/50, Seksyen 13,
Shah Alam.
73. YB Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid,
Ahli Parlimen P109 Kapar,
Pejabat Parlimen Kapar,
50-G (Ground) & 50-2 (2nd Floor),
Jalan Sungai Agas 6A/KU3,
Taman Sungai Pinang,
42100 Klang.
74. YB Tuan Charles Anthony Santiago,
Ahli Parlimen P110 Klang,
No. 2A Jalan Bayu Tinggi 8/KS6,
Batu Unjur,
41200 Klang.
75. YB Tuan Mohamad Bin Sabu,
Ahli Parlimen P111 Kota Raja,
Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kota Raja,
No. 34 Jalan Temenggung Satu,
Taman Sentosa Perdana Dua,
41200 Klang.
76. YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L
Arulanandam,
Ahli Parlimen P112 Kuala Langat,
48, Jalan Pekan 2, Taman Seri,
42700 Banting.
77. YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin,
Ahli Parlimen P113 Sepang,
No.23, Jalan SG 1/29,
Taman Sri Gombak,
68100 Batu Caves.